

# AKU anak terrorist



Diolah oleh: NURSABIHAH MOHTAR




*Bertahun-tahun  
saya hidup dengan  
penuh ketakutan.  
Walaupun begitu,  
ketakutan, keben-  
cian itu tidak sam-  
pai saya mampu  
memprosesnya  
sehingga menjadi  
darah daging.*

5 November 1990. Malam itu ketika mama sedang menonton televisyen rancangan kesukaannya, siaran tiba-tiba tergendala. Breaking news menyiarkan benta pembunuhan Meir Kahane. Pengasas Liga Pertahanan Yahudi di bandar Manhattan selepas menyampaikan ucapan di sebuah hotel.

Visual benta juga sempat menyiarkan video seorang lelaki Arab yang sedang terbaring berlumuran darah. Dia dituduh sebagai penembak yang bertanggungjawab atas kejadian ini.

Berkerut dahi, jantung berdegup kencang dan ada raut kersauan pada wajahnya. Tidak pasti apa yang mensaukannya, adakah benta yang baru didengar itu ada kaitan dengan ahli keluarganya. Entah! Tidak ada jawapan yang pasti. Namun hati tetap juga berasa ada sesuatu yang berlaku, apabila melihat visual lelaki Arab dalam benta itu. Walaupun tidak didedahkan identitinya tapi...

Serta-merta mama meluru masuk ke dalam bilik. "Zak, Zak! Bangun nak, kemas semua barang kamu. Ada kema-langan berlaku. "Hanya itu yang mama bentahu. Dalam keadaan yang masih



mami aku tidak mampu menghadam-kan kata-kata mama, hanya mengikut saja arahannya.

Mama hanya mencapai barang yang perlu dan beberapa helai pakaian sahaja lalu menyumbatkannya ke dalam beg. Pantas! Mama membuat beberapa panggilan telefon, tidak tahu siapa yang dihubungnya.

Jam ketika itu menunjukkan ke angka 11,00 malam. Sampai ke waktu itu, kelibat baba masih tidak kelihatan. Ke mana pula baba pergi kali ini. Entahlah, sejak akhir-akhir ini baba

C jarang berada di rumah pada waktu-waktu begini. Baba akan menghabiskan masa di masjid bandar New Jersey.

Babaku, El Sayyid Nosair dilahirkan di Mesir kemudian berhijrah dan mendapat kerakyatan Amerika Syarikat. Mama pula bekas penganut Kristian yang kemudian masuk Islam pada tahun 1982.

Setelah bersiap, saya turun ke ruang tamu lalu menyambung tidur di sofa. Pada masa yang sama, televisyen masih lagi menyiarkan siaran berita pembunuhan Meir Kahane. Tiba-tiba visual di televisyen itu menyiarkan keadaan seorang lelaki yang sedang berlumuran darah terbaring di jalan.

Mama yang masih ter-tancap di kaca TV mula berkaca dengan bibirnya yang terketar-ketar. "Nosair!" mama menjerit.

Tidak lama selepas itu, pak cik datang ke rumah mengemukakan saya dan mengemas barang-barang yang mama masukkan ke dalam beg. Pak cik hanya memberitahu bahawa kami sekeluarga akan tinggal di apartmennya yang terletak di Brooklyn. Jadi, itulah kali terakhir saya, kakak, abang dan mama berada di rumah kami yang terletak di Cliffside Park di Pittsburgh. **A**




# BERMULANYA KISAH anak seorang terrorist ...

Tiga tahun sejak peristiwa itu... kehidupan saya sama macam kanak-kanak lain yang berusia 10 tahun. Belajar, bermain dan melalui alam persekolahan. Tapi saya tidak mendapat hak untuk belajar dengan tenang.

Mama cuba menyembunyikan identiti kami sekeluarga tapi bangkai gajah mana boleh ditutup dengan selahai.

Ejekan 'anak terrorist' sentiasa bermain di bibir teman-teman sekolah. Hilang terus nama yang diberi sejak lahir kecuali 'anak terrorist' sahaja yang menjadi sebutan di mana-mana sahaja.

"Baba, mereka menggelar saya anak terrorist!" Setiap hari rintihan itu keluar namun tidak ada siapa yang datang membantu. Sekolah bukan lagi tempat yang menyeronokkan tetapi



mengerikan. Hari ini, apa lagi yang akan mereka lakukan untuk menyakitki.

Apa lagi yang mereka mahu sebenarnya? Untuk melawan memang saya tidak punya keberanian, mereka ramai sedangkan saya hanya berseorangan. Badan ini sudah lali dengan penyiksaan yang mereka lakukan. Paling tidak tahan apabila pintu loket dihentak ke kepala. Bukan sekali tapi selalu dan setiap kali perkara itu berlaku pengetua selalu ambil jalan mudah dengan mendenda semua orang termasuk saya mangsa buli.

Hari itu, Jumaat. Sepatutnya saya ke sekolah, tapi mama tidak membenarkan ke sekolah kerana tidak mahu anaknya terus dibuli. Itulah yang paling menyeronokkan hati dan lega kerana tidak perlu menempuh penyiksaan. Bolehlah, tengok kartun Harry and the Hendersons. Sedang asyik menonton, tiba-tiba siaran tergendala. Breaking News menyiarkan berita letupan di bawah Menara Utara World Trade Centre. Berpusu-pusu pasukan keselamatan masuk ke dalam bangunan untuk mengenal pasti punca letupan yang mungkin berpunca daripada transformer.

Pasukan keselamatan menemui sebuah van yang membawa bahan letupan. Dan, ada satu lagi penemuan yang lebih mengejutkan. Baba dituduh merancang serangan pada hari itu. Mereka percaya yang baba merancang komplot tersebut melalui panggilan telefon dari Penjara Attica.

Serangan itu menyebabkan enam orang terbunuh termasuk seorang wanita yang sedang mengandung. Baba dituduh bersubahat dalam tragedi itu. Tapi jauh di sudut hati tetap mengatakan baba tidak bersalah, tidak mungkin baba melakukan semua itu.

Pendirian mama mula goyah, rasa ragu terbit sedikit demi sedikit. Bagi mama, jika Pengasas Liga Pertahanan Yahudi, Meir Kahane dibunuh memang patut kerana dia memang jahat. Tapi kalau WTC dibom dan menyebabkan

ramai orang yang tidak berdosa terkorban, itu bukan tindakan yang betul.

1 Oktober 1993, baba bersama beberapa orang yang lain termasuk seorang syekh buta dan ketua agama dituduh atas banyak pertuduhan berikutan serangan tersebut. Semasa sebutan kes baru, itulah kali pertama saya dapat melihat wajah baba di Pusat Penahanan Metropolitan New York sejak dia ditahan.

Saya renung wajah mama. Dia kelihatan sangat terkejut dengan segala yang berlaku. Mama bagaikan hilang punca bila begitu banyak peristiwa sedih yang menimpa keluarga. Tambah-tambah apabila memikirkan anak-anak yang terpaksa berdepan dengan tekanan masyarakat, ugutan bunuh dan ancaman keganasan. Semuanya berlaku terlalu pantas hingga mengucar-ngacirkan ketenangan hidup. Mama yang selama ini selalu positif tentang ayah, kini bersikap sebaliknya.

Masa awal-awal penahanan baba, mama selalu cakap yang kami mempunyai seorang ayah yang sayang pada keluarga ini. Mama selalu meyakinkan kami tentang baba.

Tapi hari itu, mama menolak pelukan baba dan pura-pura muntah. Tapi saya tahu, mama sudah tawar hati dengan baba. Walaupun begitu, mama tidak lupa untuk melawat baba di pusat tahanan baru itu. **A**

# Tiada EL SAY

Pada lawatan terakhir hati mama 'menyerah kalah'. Benteng kesabaran yang dibina runtuh kerana kehidupan perlu diteruskan tanpa adanya kaitan dengan El Sayyid Nosair.

Sepanjang tempoh penahan itu, baba dihantar ke merata pusat tahanan. Sehingga kami tidak mampu untuk melawatnya. Mama juga sudah kehabisan duit simpanan untuk menghubungi baba menerusi telefon.

Bercakap dengan baba sudah mula menjadikan saya semakin bosan. Baba selalu bertanyakan soalan yang sama. Bagaimana sekolah kamu? Solat kamu? Adakah kamu baik-baik sahaja dengan mama?

Semua soalan itu membosankan, nampak seolah-olah baba mengambil berat tentang kami. Tapi banyakan baba mengambil berat tentang kami? Kalau betul kenapa baba lakukan semua itu tanpa memikirkan kesusahan yang kami tanggung.



# lagi SYAID NOSAIR



"Baba tahu tak yang mama menagnosis sepanjang ketiadaan baba?" Itu yang ingin saya katakan pada baba tapi tidak terluah di mulut. Hanya tersekat di kerongkong. Saya takut!

Setiap kali baba telefon, saya pasti memulas ketat dan kuat tali telefon dengan harapan untuk menghentikan cepat perbualan tersebut. Mama juga berperasaan sebegitu. Dan, akhirnya baba dan mama bercerai.

Sejak itu kami terus menukar identiti dan berpindah randah sehingga usia saya 19 tahun, sudah 20 kali mama membawa kami pindah. Setiap kali mula berasa tidak selesa dengan orang dan keadaan sekeliling kami akan berpindah. Mama tidak mahu masyarakat mengenali dan bimbang sekutu baba mencari kami untuk meneruskan perjuangan baba. Pernah juga kami berada di Mesir tapi tidak lama dan akhirnya mama membawa anak-anaknya menetap di Tampa Florida.

Proses pembesaran yang sepatutnya indah tapi minda dipasak agar menilai manusia berdasarkan agama dan bangsa seseorang. Sukar untuk mengikis persepsi itu namun usaha harus dilakukan agar diri tidak prejudis memandang orang. Setelah umur semakin matang saya berusaha keluar daripada kepompong ketakutan untuk bercampur dengan masyarakat. Saya mula melibatkan diri dengan kerja-kerja amal, menjadi sukarelawan di persidangan belia, kerja sambilan di Amusement Park. Pergaulan itu telah membina semula keyakinan untuk berkawan dengan semua orang yang berlainan latar belakang, agama, budaya dan jantina.

Bertahun-tahun saya hidup dengan penuh ketakutan. Walaupun begitu, ketakutan, kebencian itu tidak sampai saya mampu memprosesnya sehingga menjadi darah daging.

Kebencian hingga mendorong menjadi pembunuh bukanlah sesuatu yang normal dan semula jadi. Tapi ia boleh berlaku secara paksaan. Mungkin baba adalah orang yang menjalani proses itu dan dia sebenarnya cuba untuk menamangkannya kepada anak-anak. Tapi dia gagal. Dan, saya juga gagal jadi seperti dia.

Jadi suatu hari, saya duduk bersembang dengan mama untuk menyelami hatinya. Pada wajah mama masih ada kerisauan yang masih berbaki.

"Mama, saya sudah penat membenci manusia lain. Kita tidak boleh menghukum manusia berdasarkan agama, bangsa, jantina atau siapa dia. "Perlahan-lahan mama mengangguk.

Bagi saya, setiap manusia ada pilihan dalam hidupnya. Walaupun diajar untuk membenci, tapi masih ada pilihan untuk menjadi orang yang bersikap simpati dan empati.

Secara jujurnya, ada satu perasaan terhadap baba yang tidak mampu dilenyapkan iaitu rasa bersalah dan kasihan. Sukar untuk percaya bahawa darah yang mengalir dalam tubuh ini sebahagiannya milik baba. Darah itu tidak akan putus walaupun seribu kebencian dilafazkan namun warisan terrorist daripadanya sudah lama dicampakkan jauh-jauh.

Baba masih kerap mengirinkan surat dari penjara menyatakan hasratnya untuk berbicara dengan anak-anaknya. Tapi hati ini sudah tawar

untuknya. Muak dengan sikap baba yang sehingga sekarang berasakan tindakannya membunuh Meir Kahane adalah perbuatan suci. Sedangkan ianya hanyalah membawa kesan yang buruk pada nama Islam. Dan, paling menjengkelkan saya apabila bercakap dengan baba berkenaan peristiwa pengeboman World Trade Centre itu. Dia berasakan itu adalah kemenangan yang besar buat Islam.

April 2012, buat pertama kalinya saya dihubungi ejen persekutuan untuk berkongsi pengalaman dengan anggota pasukan yang lain. Mereka mula mahu membina hubungan dengan komuniti Islam. Jadi mereka rasa saya adalah orang yang layak untuk bercakap berkenaan keamanan.

Selepas ucapan tersebut, seorang ejen wanita menghampiri saya dan mula menengis.

"Mungkin kamu tidak kenal siapa saya. Tapi, saya adalah salah seorang ejen yang bertugas untuk kes baba kamu."

"Saya selalu berfikir, apa yang berlaku pada anak El Sayyid Nosair. Saya takut anak-anaknya akan ikut jejak langkah bapa mereka. Saya takut kamu akan mengikut jejak langkahnya," ujarnya

Ini jalan yang saya pilih. Saya bangga, begitu juga abang dan kakak mempunyai pendirian yang sama. Mereka menolak keganasan baba, menyelamatkan kehidupan adalah lebih utama dan menjadikan hidup kami lebih berharga. Jadi bagi menjawab soalan kepada ejen tersebut, inilah yang terjadi kepada anak-anak El Sayyid Nosair. "Kami bukan lagi anak-anaknya!"

Saya dalam kisah ini adalah Zak Ebrahim, 32. Selama berpuluh tahun dia menyembunyikan identiti sebagai anak El Sayyid Nosair seorang penganas yang dituduh terlibat dalam serangan World Trade Centre 1993. Kini dia aktif sebagai seorang aktivis keamanan yang menolak keganasan. Tapi sampai sekarang tidak ada seorang pun yang mengetahui siapa-kah identitinya yang sebenar. **A**